

Menafsir 'matahari terbenam'

Malim Ghozali PK

**Prof Madya
Dr Mawar
Safei**



Pensyarah Pusat Bitara Melayu,
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Menanti Matahari Terbenam di KD ialah judul cerpen Malim Ghozali PK, sasterawan yang kebanyakan kita sedang kenang selepas pulang ke rahmatullah pada 18 Jun lalu.

Cerpen itu disiarkan dalam *Jurnal Melayu* Vol 17 (1) 2018, terbitan Pusat Bitara Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Membaca cerpen ini sekali lagi pada 2020, khasnya selepas 18 Jun, pasti menawarkan sahutan sama sekali berbeza.

Plot cerpen dipecahkan dalam tiga penggal bermula *Awal Petang*, *Lewat Petang* dan *Menanti Matahari Terbenam*, dengan menumpukan watak utamanya, Dia yang berhasrat untuk berpindah.

KD, kediamannya sekarang sudah tidak nyaman. KD mengalami banyak perubahan fizikal. Pusat membeli-belah mewah menggantikan kedai kecil, bertambahnya

jalan perumahan, surau dan masjid. Dalam menikmati kurnia pembangunan, Dia menyedari banyak yang sudah hilang.

Dia kehilangan himpunan ilcan asli yang dapat dipancing di tasik KD dan jenis pokok hutan yang kian nadir seperti sepetir, resak, bachang hutan dan mengkulang yang selama ini melatari lereng bukit KD.

Dia sedang menanti kepulangan anak perempuannya dari Dubai. Anaknya, penuntut undang-undang itu, akan menjadi penentu terhadap keputusan mereka untuk berpindah dari KD, mencari kediaman baharu yang lebih damai.

Teknik cerpen ini sendeng retrospektif dan selebihnya perenungan diri. Memilih kawasan perumahan baharu yang tenang dan nyaman, ialah hasrat batin Dia merindukan kampung halaman di utara.

Dia mahukan embun dan sungai. Dia sedar kehilangan dalam apa yang kian didepaninya. Begitu banyak pengorbanan terhadap alam apabila manusia mahukan pembangunan. Itu yang berlaku di KD.

Keterikatan Dia dengan kediaman idamannya dikesan melalui peragaan alam, merata-rata dalam cerpen ini: "Di musim hujan awan rendah menyapu puncak-



Malim Ghozali PK

nya, menawarkan seni alam yang menawan."

Begitu juga: "Sisa-sisa cahaya siang - garitan-garitan warna kesumba dan kuning buah kundang masih terpalit di dinding langit, walau tidak lagi garang dan menyala seperti di waktu pagi. Sebaliknya kalau sampai ke lewat petang, dia selalu leka memerhatikan matahari terbenam. Sudah banyak rakaman video tentang subjek itu yang dibuatnya dulu dia membawa bersama kamera dan tripod untuk mendapatkan rakaman yang lebih sempurna."

Malim memilih alam sebagai ruang percakapan watak Dia mengenai kehilangan. Alam yang dimaksudkan, khasnya adalah apa yang terentang di 'langit.'

Secara khas, Malim memilih 'matahari terbenam' dalam peng-

gal akhir cerpen ini. Saya percaya ada perutusan tersendiri pada 'matahari terbenam' apabila dikaitkan kehilangan dan harapan untuk berpindah. Ruyupnya matahari itu sendiri bertelingkah dalam pertimbangan keluarga Dia untuk memilih.

Cerpen ini ditutup dengan puisi yang belum sempat Dia selesaikan.

*Sebentar, matahari terbenam
di KD
burung-burung tak lagi
bernyanyi
kegelapan, ajarkanku kenal
misterimu
kenapa malam dan siang tak
pernah bertemu...*

Malim mengajak kita sebagai pembaca cerpen ini untuk menyertai Dia yang kian menanggapi kehilangan menerusi: "Dia belum memberikan sebarang judul. Kalau tidak dapat menyiapkannya, dia akan cuba menyambungnya bila-bila ada kelapangan. Atau dia akan minta kalian tolong melengkapkannya."

Malim cuba memberitahu kita bahawa perihal kehilangan dan impian untuk mengisi kehilangan itu, belum tentu dapat terjawab.

Al-Quran sering bercakap mengenai malam dan siang, bulan serta matahari dan ia antara tan-

da keagungan Sang Pencipta. Penggiliran siang dan malam, bentangan langit dan bumi sangat bermakna bagi mereka yang berupaya menaakul.

Dalam cerpennya ini, Malim menulis mengenai matahari sebagai dhiya' atau sinar dan bagaimana matahari itu bererti sekali kepada manusia. Banyak isyarat dihantar matahari kepada kita. Dan Malim memilih 'matahari terbenam' dalam cerpennya kali ini.

Mengapa itu kecenderungannya? Adakah kita menerimanya dalam kerangka lazim atau klise bahawa terbenam itu bermakna hilang, berakhir dan tenggelam? Atau kita meyakini janji Asma al-Husna, iaitu al-Qabidh dan al-Basith. Saat kita berduka cita melihat 'kegelapan', nanti akan diganti-Nya dengan teduhan nur yang menjanjikan. Bukankah Dia juga yang menyembunyikan rahsia siang dan malam.

Kita sebenarnya membaca kehilangan dan harapan dalam cerpen *Menanti Matahari Terbenam di KD*. Hakikatnya, kita kehilangan Malim Ghozali PK, sasterawan yang banyak mengakrabi alam dalam kebanyakan tulisannya. Namun, kita diajak terus bersahabat dengan jagat lewat karyanya bagi mendapat pelajaran dan asuhan.